

4 bot nelayan dirampas, lapan kru termasuk warga Myanmar ditahan

LUMUT - Jabatan Perikanan Perak menahan empat bot nelayan bersama lapan kru termasuk tujuh warga Myanmar serta hasil tangkapan laut bernilai RM940,000 di perairan Bagan Datuk dan Pantai Remis di sini semalam.

Ketua Pangkalan Utama Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Kampung Acheh, Mansor Yobe berkata, dua bot pukat tunda dan rawa sorong didapati melakukan aktiviti tangkapan kurang 8 batu nautika serta tanpa lesen sah.

"Dua bot pukat tunda ditahan bersama kesemua kru berusia 18 hingga 56 tahun itu pada kedudukan 7.37 dan 7.5 batu nautika dari pantai Sungai Tiang Rungkup pada jam 7.50 dan 8.05 pagi.

"Kedua-dua bot terbabit dikesan menjalankan aktiviti memukat tunda kurang lapan batu nautika dari pantai, tidak mengusahakan sendiri selain menggunakan saiz mata pukat kurang 38 milimeter (mm) dan

kru warga asing," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, dua bot pukat rawa sorong pula ditahan selepas menangkap ikan di kedudukan 1.2 dan 1.3 batu nautika dari Pantai Panchor, Pantai Remis pada jam 4.50 pagi.

"Ketika ditahan kesemua awak-awak berjaya melarikan diri ke pantai selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa. Bot berkenaan bersama hasil tangkapan ikan dan udang sejumlah 270 kilogram dirampas.

"Pukat rawa sorong diharamkan penggunaannya kerana ia memerangkap anak ikan dan benih udang serta mencemarkan dasar laut selain boleh mengancam sumber perikanan negara pada masa akan datang," ujarnya.

Katanya, kesemua rampasan dibawa ke Jeti Perikanan Kampung Acheh, Sitiawan untuk tindakan mengikut Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 dan Peraturan 2 (Larangan Cara Menangkap Ikan 1980).



Dua bot pukat tunda dirampas selepas didapati menjalankan aktiviti memukat kurang 8 batu nautika di zon Sungai Tiang semalam.